

CERAMAH AMANITA PANGKALAN UDARA SUBANG 2017



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2114-ceramah-amanita-pangkalan-udara-subang-2017

SUBANG, 19 Jul 17 - Satu ceramah mengenai kesedaran Program AMANITA peringkat pangkalan telah dilaksanakan di Dewan Auditorium, No 22 Skn, Pangkalan Udara Subang. Ceramah telah disampaikan oleh Pegawai Turus Pendataan/Analisa JPKK Selangor merangkap Pegawai Turus Amanita Selangor iaitu Superintenden Nor Ainin binti Hj Nuh dari Ibu Pejabat Kontinjen Selangor (IPK Shah Alam).

Ceramah tersebut telah dihadiri oleh 90 orang pegawai dan anggota LLP wanita ATM yang berkhidmat di PU Subang dan juga unit lodger. Sebelum ceramah bermula, pengagihan cenderahati dari AMANITA ATM telah diedarkan kepada peserta ceramah.

Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan anggota LLP wanita ATM mengenai pelaksanaan Program AMANITA peringkat ATM yang telah mula dilaksanakan bermula tahun 2014. Program AMANITA adalah di bawah Inisiatif Strategi Lautan Biru (NBOS) yang bertujuan mengurangkan kadar jenayah melalui penglibatan kaum wanita. Selain itu, anggota wanita ATM dan PDRM perlu bekerjasama mendekati surirumah di kejiraninan berdekatan dalam usaha menyebarkan maklumat mengenai pencegahan jenayah. Pelaksanaan Program Amanita ini merupakan salah satu kolabiasi program pencegahan jenayah kerjasama di antara ATM dan PDRM.

